

# 'PEMBURU HENDAP'

## DIGERUNI

Baru-baru ini, negara digemparkan dengan tragedi pilu apabila seorang bapa menyaksikan anaknya dibaham buaya.

Kejadian menyayat hati itu berlaku ketika bapanya mendayung sampan di perairan Pangkalan Marin di Lahad Datu, Sabah sebelum buaya terbabit menyerang.

Si bapa cedera di kepala dan badan manakala anaknya belum ditemui.

Reptilia purba ini semakin ganas menyerang dan membaham manusia.

Serangan buaya kini umpama tragedi bersiri yang bersilih ganti di Sabah serta Sarawak.

Faktor utama konflik antara manusia dengan buaya ialah kehilangan

habitat dan kekurangan mangsa besar.

Ini kerana, kebiasaannya pemburu hendap digeruni ini memakan mangsa yang besar seperti babi hutan dan rusa.

Ketiadaan haiwan besar ini menyebabkan pemangsa air ini 'memilih' untuk menyerang manusia bagi memenuhi tabiat pemakanannya.

## CIRI-CIRI BUAYA



### EKOR

Digunakan untuk berenang hingga kelajuan 25 kilometer sejam.

Untuk menjatuhkan, menangkap dan memakan mangsa.

### BADAN

Panjang berbentuk tirus membolehkan ia berenang cepat.

### GIGI

Runcing dan tajam untuk kegunaan memegang mangsa.

## KAKI

Melipat kaki ke belakang melekat pada tubuhnya untuk mengurangi geseran air. Ini dapat menambah kecepatan ketika berenang.

*Kaki  
depan*



*Kuku*

## JARI

Jari pada kaki buaya boleh digunakan sebagai pendayung untuk lebih cepat berenang.

## RAHANG

Kekuatan tiga kali ganda daripada singa. Tekanan gigitan buaya tidak kurang daripada 5,000 psi.

## PERBEZAAN BUAYA DENGAN ALIGATOR

BUAYA		ALIGATOR
3.5 hingga 5.8 meter	<b>Saiz</b>	2.5 hingga 3.4 meter
200kg hingga 1,000kg	<b>Berat</b>	91 hingga 360kg
Gigi atas dan bawah kelihatan apabila menutup mulut	<b>Mulut</b>	Gigi bawah tidak kelihatan apabila menutup mulut
Panjang dan berbentuk 'V'	<b>Muncung</b>	Panjang dan bulat menghadap ke atas lubang hidung
Tebal	<b>Badan</b>	'Perisai' badan dengan plat tulang dan kulit
Panjang dan besar	<b>Ekor</b>	Berotot dan rata

*Sisi*



**BUAYA**

*Atas*



*Sisi*



**ALIGATOR**

*Atas*





WARTAWAN  
**NOR'ASYIKIN MAT HAYIN**  
asyikin.mat@hmetro.com.my

GRAFIK  
**FAHMY HASHIM**  
m.fahmy@mediaprima.com.my



## JENIS-JENIS BUAYA DI MALAYSIA

### 1 Buaya tembaga *Crocodylus porosus*

- Juga dikenali sebagai buaya katak, buaya muara dan buaya air masin.
- Boleh menghasilkan sehingga 80 telur pada satu masa.
- Berukuran empat hingga enam meter panjang, berjalur putih di belakang badan dan dikatakan boleh hidup lebih 50 tahun.
- Populasi paling tinggi di Sungai Batang Lupar sejak 1941 dan Sungai Samarahan.
- Buaya jantan dewasa berukuran lima meter panjang.
- Buaya dewasa jantan sepanjang tujuh meter boleh mencecah berat sehingga 2,500 kilogram (kg).
- Saiz buaya betina lebih kecil berbanding buaya jantan. Purata ukuran panjang antara dua dan tiga meter.

### 2 Buaya jenjulong *Malayan gharial*

- Bermuncung panjang tirus.
- Buaya jenjulong betina yang matang, saiznya antara dua hingga tiga meter.
- Bertelur sekelompok 30 hingga 60 biji telur dalam timbunan daun kering atau tanah gambut.
- Anak jenjulong menetas selepas 90 hari dan ditinggalkan untuk hidup sendirian.



## PERANAN BUAYA DALAM EKOSISTEM SEMULA JADI AIR TAWAR

- Sebagai pemangsa dan pengurus habitat dalam rantaian makanan habitat air tawar.
- Ini untuk memastikan kepelbagaian spesies di kawasan paya dan sungai kekal seimbang.

## SERANGAN BUAYA DI SARAWAK

Jumlah kes sejak 2000 hingga 2020

### Dalam air/ tepi sungai

Mandi, berenang di sungai	36
Menyeberang sungai	9
Mencuci pakaian,	13

## POPULASI BUAYA DI SABAH | 2,889 EKOR

Kajian antara 2007 hingga 2020 di 10 sungai di Sabah

1 Sungai Kinabatangan	2 Sungai Segama	3 Sungai Silabukan	4 Sungai Klias	5 Sungai Padas
6 Sungai Bengkoka	7 Sungai Paitan	8 Sungai Kalumpang	9 Sungai Labuk	10 Sungai Serudong



Nyamuk membiak dalam air dan larva nyamuk menjadi makanan ikan kecil dan tilapia.

Ikan-ikan ini pula dimakan ikan keli, sekali gus mengawal bilangannya.

Buaya memakan ikan keli untuk mengawal populasi ikan berkenaan daripada memakan ikan kecil dan tilapia.

- mengambil wuduk **43**
- Di tebing sungai, jeti**
- Bekerja **23**
- Berjalan **1**
- Bermain, berehat **2**
- Di atas bot, sampan**
- Mangsa disambar buaya dari bot, sampan **12**
- Mangsa terjatuh dalam sungai **1**
- Bot terbalik kerana diserang buaya **1**

- Jika buaya tidak wujud dalam ekosistem air tawar, populasi ikan keli meningkat dan memusnahkan populasi ikan kecil.
- Tanpa ikan kecil ini menjadikan populasi nyamuk bertambah.
- Apabila nyamuk banyak, maka demam denggi dan malaria berlaku.
- Secara tidak langsung, buaya membantu mengawal penyakit berjangkit berbahaya.



## POPULASI BUAYA DEWASA DI SARAWAK | 246 EKOR

<sup>1</sup> Sungai Kayan	<sup>2</sup> Sungai Sarawak	<sup>3</sup> Sungai Samarahan	<sup>4</sup> Sungai Sadong	<sup>5</sup> Sungai Lupar	<sup>6</sup> Sungai Saribas	<sup>7</sup> Sungai Krian	<sup>8</sup> Sungai Rajang	<sup>9</sup> Sungai Oya	<sup>10</sup> Sungai Mukah	<sup>11</sup> Sungai Balingian	<sup>12</sup> Sungai Suai	<sup>13</sup> Sungai Tatau	<sup>14</sup> Sungai Kemena	<sup>15</sup> Sungai Niah	<sup>16</sup> Sungai Sibuti	<sup>17</sup> Sungai Baram	<sup>18</sup> Sungai Limbang
<b>13</b>	<b>65</b>	<b>37</b>	<b>32</b>	<b>43</b>	<b>6</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>6</b>	<b>5</b>	<b>7</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>10</b>	<b>4</b>

## KRONOLOGI SERANGAN BUAYA

### 1 Disember 2022

Seorang kanak-kanak berusia setahun dibaham buaya ketika bapanya mendayung sampan di perairan Pangkalan Marin di Lahad Datu, Sabah.

### 9 Oktober 2022

Seorang lelaki dibaham buaya ketika memancing di Sungai Merapok, Blok C, Ladang Sawit Kuala Lawas, Sarawak.

### 10 September 2022

Kepala mayat lelaki berusia 50-an yang diserang buaya ketika menyeberang Sungai Seguntor, Sandakan menggunakan rakit ditemui.

### 23 Ogos 2022

Lelaki berusia 35 tahun maut diserang baham buaya ketika memancing di Sungai Pegagau, Semporna, Sabah.

### 21 Julai 2022

Mayat lelaki tanpa tangan dan kaki akibat dibaham buaya, ditemui berdekatan loji air Meludam, Kucing Sarawak.

### 31 Julai 2022

Wanita berusia 32 tahun maut diserang buaya ketika memancing di Kampung Tanjung Bulat, Kinabatangan, Sabah.

### 21 Mei 2022

Seorang kanak-kanak lelaki dibaham buaya ketika mengambil air di tebing sungai di Kampung Nyabut, Telaga Air, Sarawak.

### 17 Mac 2022

Mayat wanita tanpa tangan kiri ditemui yang disambar buaya ketika memancing di Sungai Telong Suai, Batu Niah, Sarawak.

### 17 Ogos 2021

Mayat mangsa serangan buaya di Sungai Lobak, Kampung Stoh Rambungan, Lundu ditemui.

### 17 Ogos 2019

Seorang lelaki meninggal dunia selepas dibaham buaya ketika menyelam bagi membetulkan jala ikannya yang tersangkut di Sungai Lobak Stoh, Rambungan, Lundu, Sarawak.